



Uniting for Net Zero

Owning Safety for
Safer Work Culture

From Neighbours to
Change-Makers



Group CEO's Message Warkah CEO Kumpulan

Mr. Stephen Chin

As we reflect on the year past and look ahead, I am pleased to share that the company has delivered a strong performance, entering the new year with sustained momentum and robust growth. This achievement reflects disciplined operations, customer confidence, and our continued commitment to delivering reliable and high-quality waste management services to the communities we serve.

Collaboration remains essential to advancing environmental sustainability. Trienekens is honoured to once again participate in National Environment Day 2025, alongside strategic partners and in collaboration with the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak. Such partnerships strengthen our shared responsibility towards environmental protection and sustainable practices.

Operating within the waste management industry comes with inherent risks, making safety our top priority. This year's HSE Month reinforces the message: "Safety Starts with Me. Every Action Matters." We remind all employees that personal accountability and responsible decision-making are critical in ensuring a safe workplace for everyone.

Our success would not be possible without our people. Our employees are the foundation of this organisation, and I extend my sincere appreciation to every member of our workforce for your dedication, professionalism, and resilience. Each role—whether operational, technical, or administrative—contributes meaningfully to our collective success and service excellence.

We are proud to recognise outstanding contributions through the Employee of the Year Award 2025, celebrating individuals who exemplify excellence, commitment, and teamwork. Congratulations to all award recipients. I also encourage all employees to continue striving for high standards and supporting one another as we grow together.

At our core, we are committed to delivering safe, efficient, reliable, and high-quality waste management solutions for our customers across both public and private sectors. Upholding quality and reliability at every level is essential to customer satisfaction, environmental protection, and public trust.

I thank our employees for their continued dedication and our customers for their trust. As we move forward, Trienekens remains focused on service excellence, innovation, and driving sustainability for a cleaner and safer future.

Thank you.

Dalam kita meninjau kembali pencapaian tahun lalu dan melangkah ke hadapan, saya dengan sukacitanya menyatakan bahawa syarikat telah mempamerkan prestasi yang teguh, sekaligus memasuki tahun baharu dengan momentum yang mampan dan pertumbuhan yang kukuh. Pencapaian ini mencerminkan disiplin operasi, keyakinan pelanggan, dan komitmen berterusan kita dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa berkualiti tinggi kepada komuniti yang kita layani.

Kolaborasi kekal menjadi teras utama dalam memajukan agenda kelestarian alam sekitar. Trienekens amat berbesar hati untuk sekali lagi menyertai Hari Alam Sekitar Negara 2025, bersama rakan-rakan strategik melalui kerjasama erat dengan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak. Kerjasama sebegini memperkukuhkan lagi tanggungjawab bersama kita terhadap perlindungan alam sekitar dan pemerkasaan amalan lestari.

Beroperasi dalam industri pengurusan sisa melibatkan risiko yang sedia ada, justeru keselamatan menjadi keutamaan kami. Sambutan Bulan HSE tahun ini memperkukuh mesej "Keselamatan Bermula dengan Saya. Setiap Tindakan Adalah Penting." Kami mengingatkan semua warga kerja bahawa akauntabiliti peribadi dan membuat keputusan yang bertanggungjawab adalah kritikal demi menjamin persekitaran kerja yang selamat buat semua.

Kejayaan kami tidak akan dapat dicapai tanpa warga kerja kami. Pekerja kami merupakan tunjang kepada organisasi ini dan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap warga kerja atas dedikasi, profesionalisme dan ketabahan anda. Setiap peranan sama ada di bahagian operasi teknikal mahupun pentadbiran menyumbang dengan penuh makna kepada setiap kejayaan bersama dan kecemerlangan perkhidmatan kita.

Kami berbangga untuk mengiktiraf sumbangan cemerlang menerusi Anugerah Pekerja Cemerlang 2025 bagi meraikan individu yang mempamerkan kecemerlangan, komitmen serta semangat kerja berpasukan yang tinggi. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah. Saya juga menggalakkan semua pekerja untuk berusaha mencapai standard yang tinggi dan saling menyokong antara satu sama lain seiring dengan pertumbuhan kita bersama.

Pada terasnya, kami komited dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa yang selamat, cekap, boleh dipercayai dan berkualiti tinggi kepada pelanggan kami merangkumi sektor awam dan swasta. Menjaga kualiti dan kebolehppercayaan di setiap peringkat adalah penting untuk kepuasan pelanggan, perlindungan alam sekitar, dan kepercayaan awam.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja atas dedikasi anda dan kepada pelanggan atas kepercayaan yang diberikan. Dalam kita mengorak langkah ke hadapan, Trienekens terus menumpukan perhatian kepada kecemerlangan perkhidmatan, inovasi, serta memacu kelestarian demi masa depan yang lebih bersih dan selamat.

Sekian, terima kasih.

CONTENTS / KANDUNGAN

Madah Kita Editorial Team

Advisor / Penasihat:

Stephen Chin

Concept & Editorial / Konsep & Redaksi:

Janet J. Balong

Rebecca Su

Farah Assyikin Binti Abdul Malek

Contributors / Penyumbang:

Clare Kho

Doreen Lang

Marilyn Martin

Felicia Raelo

Marcellus Cyrill

Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat

- Uniting for Net Zero on National Environment Day
Bersatu Menuju Sifar Bersih pada Hari Alam Sekitar Negara 02
- Advancing Our Sustainability Agenda
Memacu Agenda Kelestarian Kita 04

HSE

- Safety Starts With Us
Keselamatan Bermula Dengan Kita 05
- Safety Beyond Compliance
Keselamatan Melangkaui Pematuhan 07
- Driving Performance Through Audits
Memacu Prestasi Melalui Audit 08

Human Resources / Sumber Manusia

- Fuelling Workforce Capability
Memperkasa Keupayaan Tenaga Kerja 09

Corporate Social Responsibility/ Tanggungjawab Sosial Korporat

- Building Stronger Communities Together
Bersama Memperkukuh Komuniti 14

Special Feature / Rencana Khas

- From Neighbours To Change-Makers
Daripada Jiran Kepada Penggerak Perubahan 17

Our People / Rakan Sekerja Kita

- Celebrating Employee Excellence
Meraikan Kecemerlangan Kakitangan 19
- New Team Members / Tenaga Kerja Baru 20
- Promotions / Kenaikan Pangkat 20

Spot The Difference / Carikan Perbezaan

21



Uniting for Net Zero on National Environment Day

Bersatu Menuju Sifar Bersih pada Hari Alam Sekitar Negara



Sarawak Premier YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari (second row, centre), NREB Controller, Datu Jack (second row, fifth left) and Stephen (front row, third right) along with VIP guests and strategic collaborators of HASN 2025.

Premier Sarawak YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari (baris kedua, tengah) bersama Controller Kualiti Alam Sekitar Sarawak, Datu Jack (baris kedua, kelima dari kiri), Stephen (baris hadapan, ketiga dari kanan) dan para tetamu VIP serta rakan-rakan kolaborasi strategik HASN 2025.

The state-level celebration of National Environment Day (HASN) 2025 marked another meaningful milestone in Sarawak's journey toward sustainable growth, themed "Driving Sustainability, Achieving Net Zero."

Organised annually by the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak and the Department of Environment (DOE) Sarawak, this year's event was officiated by the Premier of Sarawak, the Right Honourable Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg. The celebration brought together government agencies, industry partners, and the public in a unified call for greater environmental stewardship.

As one of the strategic collaborators, Trienekens is honoured to have participated in this meaningful event, reaffirming our ongoing commitment to advancing green technologies and innovative environmental solutions in shaping a cleaner, greener Sarawak.

"We remain steadfast in supporting the State's green vision and sustainability agenda. We will continue to work closely with NREB, DOE, collaborative partners and stakeholders to strengthen Sarawak's solid waste management systems through innovation, technology, and responsible environmental practices," said Stephen Chin, Group CEO of Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd.

During the event, Stephen presented a contribution of RM20,000 to the Environmental Education Fund (EEF), reaffirming the company's support for the programme aimed at benefiting schools and local communities across Sarawak by promoting environmental awareness, education, sustainable practices, and a lasting culture of environmental responsibility.

Leading up to the celebration, a series of engaging activities were held to raise public awareness and appreciation for the environment — including six Electrical and Electronic Waste (BEE) collection campaigns from Kuching to Miri, a beach cleanup at Pandan Beach in Lundu, an Eco Camp for schools in Lundu and Sematan, and a community-based awareness programme in Sematan.



Stephen briefing Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg on the operational background of Trienekens' waste disposal facility.

Stephen menerangkan operasi kemudahan pelupusan sisa Trienekens kepada Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.



Stephen presenting the company's contribution towards NREB's EEF to Controller, Datu Jack Anak Liam.

Stephen menyerahkan sumbangan Trienekens bagi Tabung Pendidikan Alam Sekitar (EEF) NREB kepada Controller Kualiti Alam Sekitar Sarawak, Datu Jack Anak Liam.

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2025 peringkat negeri Sarawak menjadi satu lagi mercu tanda penting dalam usaha Sarawak menuju pembangunan mampan menerusi tema "Memacu Kelestarian, Mencapai Sifar Bersih".

Acara tahunan yang dianjurkan bersama oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak ini telah dirasmikan oleh Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg. Sambutan tersebut telah menyatukan agensi kerajaan, rakan industri dan masyarakat dalam satu matlamat untuk memperkukuh komitmen terhadap penjagaan alam sekitar.

Selaku rakan kolaborasi strategik, Trienekens amat berbesar hati menjadi sebahagian daripada penganjuran acara yang cukup bermakna ini. Penglibatan tersebut mencerminkan komitmen berterusan syarikat dalam memacu teknologi hijau serta penyelesaian inovatif demi masa depan Sarawak yang lebih bersih dan mampan.

"Kami kekal komited menyokong visi hijau serta agenda kelestarian Sarawak menerusi kerjasama erat dengan NREB, JAS dan rakan-rakan strategik yang lain. Usaha ini diakhirkan melalui pengukuhan sistem pengurusan sisa pepejal negeri yang berteraskan inovasi, teknologi serta amalan alam sekitar yang bertanggungjawab," ujar Stephen Chin, CEO Kumpulan Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd.

Pada majlis tersebut, Stephen turut menyerahkan sumbangan berjumlah RM20,000 kepada Tabung Pendidikan Alam Sekitar (EEF) sebagai tanda sokongan Trienekens terhadap inisiatif kelestarian negeri. Dana ini bertujuan memperkasakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar yang menyasarkan warga sekolah serta komuniti di seluruh Sarawak, sekali gus memupuk budaya tanggungjawab yang berterusan.

Menjelang kemuncak sambutan, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi memupuk kesedaran dan penghargaan masyarakat terhadap alam sekitar. Aspek tersebut merangkumi enam siri kempen pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (BEE) dari Kuching hingga ke Miri, aktiviti pembersihan di Pantai Pandan, Lundu serta penganjuran Kem Eco bagi sekolah-sekolah dan program kesedaran komuniti di sekitar Lundu serta Sematan.



A group photo of all HASN 2025 collaborators and agencies involved. Barisan agensi dan kolaborator yang menjayakan sambutan HASN 2025 Peringkat Sarawak merakamkan gambar kenangan.



A group photo of NREB, DOE and Trienekens teams during the BEE collection campaign in Sematan on 25 and 26 October. Barisan petugas NREB, JAS dan Trienekens yang menjayakan kempen pengumpulan BEE di Sematan pada 25 dan 26 Oktober.

Advancing Our Sustainability Agenda

Memacu Agenda Kelestarian Kita

At Trienekens, we believe that meaningful progress towards sustainability is driven by strong collaboration and continuous engagement with stakeholders. Through regular dialogue and partnership, we work hand in hand with our partners to strengthen environmental practices and support Sarawak's journey towards a cleaner, more resilient future.

Kami di Trienekens percaya bahawa kemajuan signifikan dalam kelestarian dapat dicapai menerusi kerjasama erat dan penglibatan berterusan bersama pihak berkepentingan. Melalui dialog serta perkongsian strategik, kami akan terus bergerak seiring dengan rakan kerjasama bagi memperkukuh amalan alam sekitar, sekali gus menyokong aspirasi Sarawak ke arah masa depan yang lebih bersih dan mampan.



In July and October respectively, Trienekens Group CEO, Stephen Chin, together with the senior management team, welcomed visits from Terberg Zenith Malaysia (left) and JFE Engineering (M) Sdn Bhd (right) to the company's headquarters at Sungai Tapang. The visit by Terberg Zenith, led by its Managing Director, Mr. Jeremy Boanson-James (front row, second right), focused on operational needs and industry developments. A meeting with JFE Engineering, led by Innovation Center Director Mr. Hajime Fukai (second left), offered an insightful technical exchange on waste management and engineering solutions.

Pada bulan Julai dan Oktober, CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin, bersama barisan pengurusan kanan, telah menerima kunjungan daripada Terberg Zenith Malaysia (kiri) serta JFE Engineering (M) Sdn Bhd (kanan) di ibu pejabat syarikat, Sungai Tapang. Kunjungan Terberg Zenith diketuai oleh Pengarah Urusannya, Jeremy Boanson-James (baris hadapan, kedua dari kanan) tertumpu kepada keperluan operasi dan perkembangan industri. Sementara itu, pertemuan bersama JFE Engineering yang diketuai oleh Pengarah Pusat Inovasi, Hajime Fukai (kedua dari kiri) mencetuskan pertukaran teknikal yang mendalam mengenai pengurusan sisa dan penyelesaian kejuruteraan.



In September, Trienekens Group CEO, Stephen Chin and the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) operations team welcomed Deputy State Financial Secretary of Sarawak, Datu Hasmawati binti Sapawi (front row, fourth left), and Sarawak Incorporated Sdn Bhd CEO, Wan Abu Bakar Wan Hamid (front row, third right), for an official site visit to the facility. The visit provided an opportunity to gain deeper insight into Sarawak's waste management processes and technologies, as well as future strategic directions for the sector.

Pada September lalu, CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin, bersama pasukan operasi Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP) telah menerima kunjungan Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Datu Hasmawati binti Sapawi (baris hadapan, keempat dari kiri), dan CEO Sarawak Incorporated Sdn Bhd, Wan Abu Bakar Wan Hamid (baris hadapan, ketiga dari kanan). Lawatan tersebut memberi peluang kepada delegasi untuk meninjau lebih dekat proses dan teknologi pengurusan sisa di Sarawak dan hala tuju masa depan sektor berkenaan.

Safety Starts With Us

Keselamatan Bermula Dengan Kita



Trienekens' staff, award winners and guests gathering for a photo at the end of the event.

Kakitangan Trienekens, penerima anugerah dan tetamu jemputan merakam kenangan pada sambutan Hari HSE 2025.

Trienekens marked HSE Month 2025 with a continued focus on the role each individual plays in creating a safe, healthy, and environmentally responsible workplace. Guided by the theme “Safety Starts with Me. Every Action Matters,” the month-long programme reinforced a culture where health, safety, and environmental responsibility are not just policies, but daily practices embraced across all levels of the organisation.

Beginning in early November, a series of activities were rolled out to strengthen awareness and preparedness among employees. These included emergency drills conducted at Kuching Logistics and Services and the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP), as well as an emergency spillage drill by the Trienekens Bintulu team with support from the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak and the Department of Environment (DOE) Sarawak.

The programme also placed strong emphasis on employee wellbeing, featuring a blood donation drive in collaboration with Sarawak General Hospital (SGH), health screenings, and wellness talks by Normah Medical Centre at Trienekens HQ, Depot and KIWMP. A healthy eating awareness talk by KPJ Specialist Hospital Kuching, complemented by nutritious meal packs for all employees, further supported the initiative. Similar health talks and screenings were carried out at the Bintulu Branch with Kemena Pacific Hospital and the Bintulu Health Department.

HSE Month culminated in the HSE Day celebration, where Trienekens Group CEO, Stephen Chin, reaffirmed the company's commitment to ensuring every employee begins and ends each workday safely. Emphasising that safety must be instinctive, he reminded staff that responsible choices should always outweigh convenience or cost.



HSE excellence award winners, staff and guests at Trienekens Bintulu Branch.

Barisan penerima anugerah, kakitangan dan para jemputan di Trienekens Cawangan Bintulu.

The event featured knowledge-sharing sessions by industry experts on fire safety, HAZMAT compliance, road regulations, and defensive driving, followed by the HSE Excellence Awards recognising individuals, divisions, and sub-contractors for outstanding HSE performance. The spirit of the programme extended to Bintulu, which hosted its own HSE Day celebration, reinforcing a consistent and unified safety culture across all operations.

Together, Trienekens continues to build a workplace where safety is not just a requirement, but a shared value lived every day.



Group photo of participants of the Emergency Response for Scheduled Waste Transportation training, conducted by Group CEO Stephen Chin (seated, third left).

Sesi fotografi bersama para peserta latihan 'Emergency Response for Scheduled Waste Transportation' yang dikendalikan oleh CEO Kumpulan, Stephen Chin (duduk, ketiga dari kiri).



A Trienekens staff member ready to donate and save lives.

Seorang anggota Trienekens bersedia menderma dan menyelamatkan nyawa.

Trienekens meraikan Bulan HSE 2025 dengan fokus berterusan terhadap peranan setiap individu dalam mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat, dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Bertemakan "Keselamatan Bermula dengan Saya. Setiap Tindakan Adalah Penting," program selama sebulan ini bertujuan memperkukuh budaya di mana tanggungjawab kesihatan, keselamatan, dan alam sekitar bukan sekadar polisi, malahan amalan harian yang dihayati di semua peringkat organisasi.

Bermula pada awal November, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan dalam kalangan kakitangan. Ini termasuk beberapa siri latihan kecemasan di Bahagian Logistik dan Perkhidmatan Kuching serta Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP). Selain itu, pasukan Trienekens Bintulu turut mengadakan latihan tumpahan kimia dengan sokongan daripada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak.

Program ini turut memberi penekanan terhadap kesejahteraan pekerja melalui kempen derma darah dengan kerjasama Hospital Umum Sarawak (HUS), pemeriksaan kesihatan dan sesi perkongsian kesihatan oleh Pusat Perubatan Normah di Ibu Pejabat, Depot dan KIWMP. Inisiatif ini diperkukuhkan lagi dengan ceramah pemakanan sihat oleh Hospital Pakar KPJ Kuching, berserta edaran pek makanan berkhasiat kepada semua kakitangan. Aktiviti sama turut dijalankan di cawangan Bintulu dengan kerjasama Hospital Kemena Pasifik dan Pejabat Kesihatan Bintulu.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, sambutan Hari HSE menjadi kemuncak kepada Bulan HSE tahun ini. CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin, menyatakan komitmen berterusan syarikat untuk memastikan setiap warga kerja pulang ke rumah dalam keadaan selamat setiap hari. Beliau menekankan bahawa keselamatan seharusnya menjadi satu naluri dalam diri, sambil mengingatkan kakitangan agar sentiasa mengutamakan pilihan yang bertanggungjawab berbanding jalan pintas atau faktor kos.

Acara tersebut turut menampilkan sesi perkongsian ilmu oleh pakar industri yang merangkumi aspek keselamatan kebakaran, pematuan HAZMAT, peraturan jalan raya

serta pemanduan berhemah. Majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah Kecemerlangan HSE bagi mengiktiraf individu, bahagian, dan subkontraktor atas pencapaian cemerlang mereka. Semangat program ini turut diperluaskan ke Bintulu melalui sambutan peringkat cawangan, sekali gus memperkukuh budaya keselamatan yang utuh di seluruh operasi syarikat.

Melangkah ke hadapan, Trienekens tekad memupuk persekitaran kerja di mana keselamatan bukan sekadar satu kewajipan, malahan satu nilai jati diri yang dihidupkan dalam setiap tindakan setiap hari.



Participants and trainers after a group workout session promoting health and wellbeing as part of HSE Month 2025.

Para kakitangan dan jurulatih berdamai kenangan selepas sesi senaman bagi memupuk gaya hidup sihat sempena Bulan HSE 2025.



Trienekens staff with their nutritious meal packs.

Warga Trienekens bersama pek makanan berkhasiat mereka.

Safety Beyond Compliance

Keselamatan Melangkaui Pematuhan



A group photo of Trienekens and Air Marine Cargo teams after the TOFS session.

Kakitangan Trienekens dan Air Marine Cargo merakam foto kenangan selepas sesi TOFS

In November, Trienekens took part in the Time Out For Safety (TOFS), organised by Shell (M) Sdn Bhd, under the theme “Chemical Risk Awareness”. The event served as a vital platform to sharpen safety awareness and solidify safe work practices, while celebrating a shared commitment to responsible operations through ongoing partnership.

Gabriel Bala, Trienekens Bintulu’s Scheduled Waste Operations Supervisor, delivered an interesting session on “How Chemicals Enter Your Body (Routes of Entry)”, highlighting how hazardous substances can compromise health. This was brought to life through a dynamic role-play by the Air Marine Cargo team on safe handling of chemicals.

By blending practical insights with interactive scenarios, the session highlighted common routes of chemical exposure, associated risks, and the importance of recognising hazards in daily work activities.

Participants were also reminded of the importance of taking a TOFS before commencing work, a simple but critical step in preventing incidents. By fostering a culture of two-way communication, the event empowered participants to act as safety leaders, emphasising their shared responsibility to intervene and speak up for a hazard-free workplace.



Gabriel Bala presenting at the TOFS session.
Penyampaian sesi TOFS oleh Gabriel Bala.

Pada bulan November, Trienekens telah menyertai program ‘Time Out For Safety’ (TOFS) anjuran Shell MDS (M) Sdn. Bhd. yang bertemakan ‘Kesedaran Risiko Kimia’. Acara ini berperanan sebagai platform penting untuk mempertingkatkan kesedaran keselamatan dan memperkukuhkan amalan kerja selamat, di samping meraikan komitmen bersama terhadap operasi yang bertanggungjawab melalui kerjasama berterusan.

Gabriel Bala, Penyelia Operasi Sisa Terjadual Trienekens Bintulu, telah menyampaikan satu sesi yang menarik bertajuk “Bagaimana Bahan Kimia Memasuki Tubuh Badan (Laluan Pendedahan)”, yang menekankan bagaimana bahan berbahaya boleh menjejaskan kesihatan. Sesi ini diperkukuhkan lagi melalui lakonan peranan yang dinamik oleh pasukan Air Marine Cargo mengenai pengendalian bahan kimia secara selamat.

Dengan menggabungkan pandangan praktikal dan senario interaktif, sesi ini menekankan laluan pendedahan bahan kimia yang lazim, risiko yang berkaitan, serta kepentingan mengenal pasti bahaya dalam aktiviti kerja harian.

Para peserta turut diingatkan tentang kepentingan melaksanakan TOFS sebelum memulakan kerja sebagai langkah kritikal mencegah insiden. Dengan memupuk budaya komunikasi dua hala, sesi ini memperkasakan para peserta untuk bertindak sebagai pemimpin keselamatan, sekali gus menekankan tanggungjawab bersama mereka untuk bertindak dan bersuara demi memastikan persekitaran kerja yang bebas daripada bahaya.

Driving Performance Through Audits

Memacu Prestasi Melalui Audit

Audits enable Trienekens to objectively assess operational processes, compliance, and governance. Audits conducted by authorities, agencies, and customers support our continuous improvement efforts, strengthen accountability, and ensure operations remain aligned with regulatory requirements.

Audit membolehkan Trienekens menilai proses operasi, pematuhan dan tadbir urus secara objektif. Kerjasama melalui audit daripada pihak berkuasa, agensi, dan pelanggan menyokong usaha penambahbaikan berterusan kami, di samping memperkukuh akauntabiliti dan memastikan operasi selaras dengan keperluan kawal selia.

Quality Audit from Zuellig Pharma Sdn Bhd/ Audit Kualiti dari Zuellig Pharma Sdn Bhd



Trienekens recently underwent the Supplier Quality Audit by Zuellig Pharma Sdn Bhd. The audit, conducted by Branch Admin, Customer and Client Support, Ms. Belinda Kuek (front row, right) and Team Lead, Ms. Hii Siew Ching (front row, left) assessed compliance with Good Documentation Practices (GDP) and Quality Agreement requirements. Audit results confirmed a high level of compliance with Trienekens' ISO standards.

Trienekens telah menjalani Audit Kualiti Pembekal yang dikendalikan oleh Zuellig Pharma Sdn Bhd. Sesi audit tersebut telah dilaksanakan oleh Pentadbir Cawangan, Sokongan Pelanggan, Cik Belinda Kuek (baris hadapan, kanan) dan Ketua Pasukan, Cik Hii Siew Ching (baris hadapan, kiri) bagi menilai tahap pematuhan terhadap Amalan Pendokumentasian Baik (GDP) dan syarat-syarat Perjanjian Kualiti. Keputusan audit mengesahkan tahap pematuhan yang cemerlang, selaras dengan standard-standard ISO Trienekens.

First Line Assurance Audit by PETRONAS Floating LNG Audit Jaminan Barisan Hadapan oleh PETRONAS Floating LNG

A First Line Assurance Audit, led by Senior Manager Instrument, Norwadi Hamat (front row, third right), was conducted by PETRONAS Floating LNG (PFLNG) at Trienekens in November. The audit assessed compliance with PFLNG HSE, regulatory, and contractual requirements, and verified the effectiveness of HSE management systems, operational controls, and waste handling practices through document review and site verification.

Pada bulan November, PETRONAS Floating LNG (PFLNG) telah melaksanakan Audit Jaminan Barisan Hadapan di Trienekens yang diketuai oleh Pengurus Kanan Instrumen, Norwadi Hamat (baris hadapan, ketiga dari kanan). Audit tersebut memastikan pematuhan terhadap keperluan HSE PFLNG, peraturan dan kontrak, serta mengesahkan keberkesanan sistem pengurusan HSE, kawalan operasi dan amalan pengendalian sisa melalui semakan dokumen dan pengesahan di tapak.



Visit & Site Verification by Sarawak Shell Berhad Lawatan & Pengesahan Tapak oleh Sarawak Shell Berhad



Sarawak Shell Berhad conducted a Visit and Site Verification audit at Trienekens in October to assess regulatory compliance and HSSE requirements, including documentation, maintenance practices, and on-site operations, ensuring the effectiveness of HSSE systems and alignment with company policies. The audit team was led by Waste Management Service Lead and Contract Holder, Cody Chong (front row, third right).

Sarawak Shell Berhad telah menjalankan audit Lawatan dan Pengesahan Tapak di Trienekens pada bulan Oktober bagi menilai pematuhan terhadap keperluan perundangan dan HSSE, termasuk dokumentasi, amalan penyelenggaraan serta operasi di tapak, bagi memastikan keberkesanan sistem HSSE dan penajajaran dengan dasar syarikat. Pasukan audit diketuai oleh Waste Management Service Lead dan Contract Holder, Cody Chong (barisan hadapan, ketiga dari kanan).

Fuelling Workforce Capability

Memperkasa Keupayaan Tenaga Kerja

Trienekens' training programmes equip employees with the skills and knowledge to perform confidently and effectively. By developing capabilities across the organisation, these programmes empower teams to take ownership, achieve results, and drive growth. They reflect the company's commitment to continuous learning and supporting every employee in reaching their full potential.

Program-program latihan Trienekens melengkapi kakitangannya dengan kemahiran dan pengetahuan agar dapat berkhidmat dengan lebih yakin dan efektif. Melalui pembangunan keupayaan organisasi, setiap pasukan diperkasa untuk menggalas tanggungjawab dengan berkesan bagi mencapai hasil dan pertumbuhan syarikat yang mampan. Langkah ini mencerminkan komitmen syarikat dalam memupuk budaya pembelajaran berterusan untuk membantu setiap individu menentengahkan potensi penuh mereka.

Personal Hygiene Awareness & Best Practices for Biohazard Waste Environments

Kesedaran Kebersihan Diri & Amalan Terbaik dalam Persekitaran Sisa Biohazard



Participants with trainer, Mr Fazil Bin Rajimin, from CAYS Group PLT (front row, sixth right).

Para peserta bersama tenaga pengajar, Encik Fazil Bin Rajimin daripada CAYS Group PLT (barisan hadapan, keenam dari kanan).

An in-house session on Personal Hygiene Awareness & Best Practices for Biohazard Waste Environments was recently held to reinforce safe hygiene practices and proper handling of biohazardous materials. The programme guided participants through identifying and managing hygiene risks, as well as effective decontamination and hygiene routines. Employees engaged in group discussions based on real-life scenarios and presented their findings, strengthening practical understanding and encouraging collaborative learning. By fostering consistent hygiene practices through daily routines and compliance, the training contributes to a safer workplace and underscores Trienekens' commitment to a hygiene-centric culture.

Satu sesi latihan dalaman tentang Kesedaran Kebersihan Diri & Amalan Terbaik dalam Persekitaran Sisa Biohazard telah dianjurkan bagi memperkukuh amalan kebersihan yang selamat dan pengendalian sisa biohazard dengan betul. Melalui program ini, para peserta dibimbing untuk mengenal pasti dan mengurus risiko kebersihan, selain mempelajari rutin dekontaminasi yang efektif. Kakitangan turut terlibat aktif dalam perbincangan kumpulan berdasarkan senario sebenar, sekali gus memantapkan pemahaman praktikal menerusi pembelajaran kolaboratif. Dengan menerapkan amalan kebersihan yang konsisten dalam rutin harian, latihan ini mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat dan membuktikan komitmen Trienekens terhadap budaya kerja berteraskan kebersihan.

Safe Handling of Chemical (SHOC) Training Latihan Pengendalian Bahan Kimia Secara Selamat (SHOC)



SHOC training participants with trainer, Mr Moorty Kasinathan, from FMM Institute (seated, fourth left).
Peserta kursus SHOC bersama jurulatih, Encik Moorty Kasinathan daripada Institut FMM (duduk, keempat dari kiri).

Chemical safety is critical to maintaining a safe workplace and ensuring regulatory compliance. To strengthen this commitment, an in-house Safe Handling of Chemicals (SHOC) training was recently conducted for 30 participants representing all Trienekens' operational divisions. The session provided practical guidance on safely managing hazardous chemicals and highlighted compliance with Malaysian legislation, including the Occupational Safety and Health Act 1994 and the CLASS Regulations 2013, which govern the classification, labelling, and safety data of hazardous substances. By equipping employees with this knowledge, the training reinforces safer work practices and underscores Trienekens' unwavering commitment to maintaining high standards in occupational safety and health.

Keselamatan kimia adalah kritikal dalam mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan. Untuk mengukuhkan komitmen ini, latihan Pengendalian Bahan Kimia dengan Selamat (SHOC) secara dalaman telah dijalankan baru-baru ini untuk 30 peserta daripada semua bahagian operasi Trienekens. Sesi ini memberikan panduan praktikal mengenai pengurusan bahan kimia berbahaya secara selamat, di samping menekankan pematuhan terhadap perundangan Malaysia, termasuk Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan CLASS 2013 yang merangkumi pengelasan, pelabelan, dan data keselamatan bahan kimia. Dengan melengkapkan kakitangan dengan pengetahuan ini, latihan tersebut memupuk amalan kerja yang lebih selamat dan mencerminkan komitmen teguh Trienekens untuk mengekalkan standard tinggi dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Personal Data Protection Act Akta Perlindungan Data Peribadi

In today's data-driven environment, protecting personal information is essential to maintain trust and smooth business operations. Recognising this, Trienekens organised an in-house training session on the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010 (with 2024 amendments), giving employees a deeper understanding on how to prevent data breaches, strengthen data integrity, and implement risk-based compliance checks. By applying these principles in their work areas, participants are now better equipped to safeguard sensitive information and ensure seamless business continuity across the organisation.

Dalam landskap yang didorong oleh data masa kini, perlindungan maklumat peribadi amat penting bagi mengekalkan kepercayaan serta memastikan kelancaran operasi perniagaan. Menyedari kepentingan ini, Trienekens telah menganjurkan satu sesi latihan dalaman berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010 (pindaan 2024). Latihan ini akan membekalkan kefahaman yang lebih dalam mengenai pencegahan kebocoran data, pemantapan integriti data serta pelaksanaan pemeriksaan



Trainer, Mr S. Suresh Kumar, from Exceed Management Sdn. Bhd., sharing insights on PDPA with participants.

Jurulatih, Encik S. Suresh Kumar daripada Exceed Management Sdn. Bhd., menjelaskan PDPA kepada para peserta.

pematuhan berasaskan risiko. Dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip ini, para peserta lebih kompeten dalam melindungi maklumat peribadi sekali gus meningkatkan kelestarian operasi syarikat secara menyeluruh.

7 Steps Commuting Safety with Kuching Logistics and Services 7 Langkah Keselamatan Dalam Perjalanan bersama Pasukan Logistik dan Perkhidmatan Kuching



General Manager of HSE, Harris Anak Michael Deho, addressing the logistics team during the engagement session.

Pengurus Besar HSE, Harris Anak Michael Deho, ketika menyampaikan ucapan kepada pasukan logistik semasa sesi libat urus tersebut.

At Trienekens, employee's safety is a top priority. Strengthening this commitment, our logistics team recently participated in a management engagement session on motorcycle safety during daily commutes. The session encouraged safe riding habits, alertness, and responsibility on the road, while providing practical strategies to prevent commuting incidents and strengthen a safety-first mindset beyond the workplace. These direct engagements empower employees to practise safer commuting practices and reduce the risk of incidents on the road.

Di Trienekens, keselamatan kakitangan merupakan kepentingan utama. Bagi memperkukuh komitmen ini, pasukan logistik Trienekens telah menyertai sesi libat urus pengurusan mengenai keselamatan menunggang motosikal ketika berulang-alik ke tempat kerja. Sesi tersebut menggalakkan amalan menunggang yang selamat, kewaspadaan dan sikap bertanggungjawab di jalan raya. Selain itu, strategi praktikal untuk mencegah insiden perjalanan dan memantapkan pemikiran utamakan keselamatan di luar tempat kerja turut ditekankan. Sesi libat urus ini memperkasakan kakitangan untuk mengamalkan rutin perjalanan yang lebih selamat, dan mengurangkan risiko kemalangan di jalan raya.

Effective Corrective Action Verification by Internal Auditors Pengesahan Tindakan Pembetulan yang Berkesan oleh Juruaudit Dalaman



Trainer, Andy Lau (seated, centre), together with participants at the end of the training session.

Sesi foto bersama jurulatih, Andy Lau (duduk, tengah), dan para peserta.

Ensuring that corrective actions are truly effective is critical to continuous improvement within Trienekens' QEHS management system. About 20 internal company auditors underwent the in-house Corrective Action Verification by Internal Auditors training with Andy Lau from Infinite Improvement Training Services Sdn Bhd. The training strengthened participants' ability to verify corrective

actions under ISO 9001, ISO 14001, and ISO 45001 covering people, machines, methods, and materials. Participants also learned to monitor, measure, and document outcomes to prevent recurrence, enabling them to identify gaps and drive continuous improvement across Trienekens' operations.

Keberkesanan tindakan pembetulan merupakan aspek kritikal bagi penambahbaikan berterusan dalam sistem pengurusan QEHS Trienekens. Seramai 20 juruaudit dalaman syarikat telah mengikuti kursus Pengesahan Tindakan Pembetulan yang Berkesan oleh Juruaudit Dalaman kendalian Andy Lau daripada Infinite Improvement Training Services Sdn Bhd. Latihan ini mengukuhkan keupayaan peserta untuk mengesahkan tindakan pembetulan mengikut ISO 9001, ISO 14001, dan ISO 45001 merangkumi aspek manusia, mesin, kaedah, dan bahan. Peserta juga mempelajari cara memantau, mengukur, dan mendokumentasikan hasil bagi mencegah berulangnya isu, membolehkan mereka mengenal pasti kekurangan dan memacu penambahbaikan berterusan dalam operasi Trienekens.

Leading to Engage and Deliver Memimpin untuk Penglibatan dan Pencapaian

Strong leadership is essential in driving performance, trust, and sustained results. About 25 participants from across Trienekens' divisions and levels recently came together to attend the Leading to Engage and Deliver programme to strengthen leadership capabilities aligned with these priorities. The programme focused on leading with self-awareness and emotional intelligence, communicating with clarity and authenticity, and navigating challenging conversations constructively. Participants also applied these competencies through a real workplace leadership project, translating learning into practical actions that support effective teams and disciplined execution.

Kepimpinan teguh merupakan teras utama dalam memacu prestasi, kepercayaan, serta keberhasilan yang mampan. Seramai 25 peserta daripada pelbagai bahagian dan peringkat di Trienekens telah mengikuti program Memimpin untuk Penglibatan dan Pencapaian bagi memperkukuh keupayaan kepimpinan yang selaras dengan



Trainer, Luke Bong (seated, third right), from Great Minds Learning Technologies, with participants of the Leading to Engage and Deliver programme.

Jurulatih, Luke Bong (duduk, ketiga dari kanan) dari Great Minds Learning Technologies bersama peserta program Memimpin untuk Penglibatan dan Pencapaian.

matlamat tersebut. Program ini memberi tumpuan kepada kepimpinan berasaskan kesedaran diri, kecerdasan emosi serta komunikasi yang jelas dan berwibawa. Para peserta turut mengaplikasikan kompetensi yang dipelajari melalui projek kepimpinan di tempat kerja yang sebenar, sekali gus menterjemahkan teori kepada tindakan praktikal demi menyokong keberkesanan pasukan serta pelaksanaan yang lebih berdisiplin.

Basic Occupational First Aid, CPR & AED Training

Latihan Asas Pertolongan Cemas Pekerjaan, CPR & AED

Workplace safety goes beyond prevention, relying on employees being equipped to respond promptly and effectively during medical emergencies. Trienekens recently conducted a Basic Occupational First Aid, CPR & AED Training to equip its staff with hands-on experience in casualty handling, evacuation drills, and the correct administration of CPR, as well as instruction on the proper use of an AED in emergency situations. With these critical skills, employees are empowered to act confidently when medical incidents occur, helping to safeguard colleagues, and reinforce a culture of safety across the organisation.

Keselamatan di tempat kerja bukan sekadar langkah pencegahan, malah turut bergantung kepada kesiapsiagaan kakitangan untuk bertindak pantas dan berkesan semasa kecemasan perubatan. Bagi memperkukuh komitmen ini, Trienekens telah menganjurkan Latihan Asas Pertolongan Cemas Pekerjaan, CPR & AED untuk melengkapkan kakitangannya dengan pengalaman praktikal dalam pengendalian mangsa, simulasi pemindahan, teknik pemberian CPR dan penggunaan unit AED yang betul. Dengan kemahiran kritikal



Staff gaining hands-on experience with AED operation during the training.

Peserta menjalani latihan praktikal penggunaan AED bagi memantapkan kemahiran bantuan kecemasan.

ini, kakitangan kini lebih berupaya untuk bertindak dengan yakin dalam situasi kecemasan, membantu melindungi rakan sekerja dan memantapkan budaya keselamatan di seluruh peringkat organisasi.

Basic Fire Safety and Emergency Response Training

Latihan Asas Keselamatan Kebakaran dan Respons Kecemasan

To enhance emergency preparedness, Trienekens conducted a three-day Basic Fire Safety and Emergency Response Training for the Bintulu branch team. The training combined classroom-based learning with practical



Trienekens Bintulu team participating in a practical fire hose deployment exercise during the training.

Kakitangan Trienekens Bintulu semasa menjalani latihan amali mengendalikan hos bomba.

exercises such as fire hose operation, evacuation drills, casualty handling, and the proper use of fire extinguishers. These hands-on activities reinforced fire safety procedures and safe work practices, while improving participants' readiness to respond effectively during fire or emergency situations. This programme supports safer operations by strengthening emergency response capability and helping to minimise risks to people, assets, and operations.

Bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan kecemasan, Trienekens telah mengadakan Latihan Asas Keselamatan Kebakaran dan Respons Kecemasan selama tiga hari untuk pasukan Cawangan Bintulu. Program ini menggabungkan pembelajaran teori di dalam kelas dengan latihan praktikal seperti pengendalian hos bomba, simulasi pemindahan, pengurusan mangsa serta teknik penggunaan alat pemadam api yang betul. Aktiviti amali ini bukan sahaja memperkukuh prosedur keselamatan kebakaran dan amalan kerja selamat, malah meningkatkan kesediaan peserta untuk bertindak secara efektif semasa situasi kecemasan. Program ini menyokong operasi yang lebih selamat dengan memantapkan keupayaan respons kecemasan serta membantu meminimumkan risiko terhadap kakitangan, aset dan kelangsungan operasi.

Building Stronger Communities Together

Bersama Memperkukuh Komuniti

Trienekens' commitment to sustainable and responsible practices extends beyond its operations into the communities it serves. Through its Corporate Social Responsibility (CSR) and sustainability initiatives, the company promotes public health, safety, and environmental stewardship. These programmes aim to create cleaner, safer, and more sustainable environments, reflecting Trienekens' focus on responsible operations and meaningful impact.

Sejajar dengan komitmen dalam meluaskan amalan mampan, Trienekens giat melaksanakan pelbagai inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang berfokuskan kesihatan awam, keselamatan dan kelestarian alam sekitar. Usaha ini bertujuan mewujudkan ekosistem yang lebih bersih dan selamat, selaras dengan visi syarikat untuk menghasilkan impak yang dampak menerusi operasi yang mengutamakan kesejahteraan komuniti setempat.



General Manager of HSE, Harris ak. Michael Deho, presenting Trienekens' contribution to Sarawak BOMBA Run 3.0 in support of safety and community well-being.

Pengurus Besar HSE, Harris ak. Michael Deho, menyampaikan sumbangan Trienekens untuk Sarawak BOMBA Run 3.0 sebagai sokongan terhadap keselamatan dan kesejahteraan komuniti.



Trienekens, represented by Group Department Manager of Procurement & Finance, Cecilia Law, presenting the company's contribution for BOMBA Sarawak's participation in Kejohanan Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM), in support of team development and inter-agency collaboration.

Trienekens, yang diwakili oleh Pengurus Jabatan Perolehan & Kewangan Kumpulan, Cecilia Law, menyampaikan sumbangan syarikat bagi penyertaan BOMBA Sarawak dalam Kejohanan Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM), sebagai sokongan terhadap pembangunan pasukan serta kerjasama antara agensi.



As part of the company's initiative in nurturing a generation of environmentally aware and responsible individuals, Division Manager of Environment R&D, Dayang Sherrynazra, hands over some electrical hampers in support of SK St. Alban (M) Sungai Tapang's Annual Sports Day.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif syarikat dalam mencorak generasi yang peka terhadap alam sekitar dan bertanggungjawab, Pengurus Bahagian R&D Alam Sekitar, Dayang Sherrynazra, menyerahkan beberapa hamper elektrik sebagai tanda sokongan kepada Hari Sukan Tahunan SK St. Alban (M) Sungai Tapang.



Trienekens, represented by Department Manager of Business Development (Commercial Waste), Hansen Shim, presenting the company's contribution to support KERENA-NREB's Annual Programmes in advancing environmental awareness and sustainability initiatives.

Trienekens, yang diwakili oleh Pengurus Jabatan Pembangunan Perniagaan (Sisa Komersial), Hansen Shim, menyampaikan sumbangan syarikat bagi menyokong Program Tahunan KERENA-NREB dalam memperkasa kesedaran alam sekitar serta inisiatif kelestarian.

Local Communities/ Komuniti Setempat

Through its sustainability approach, Trienekens supports local communities to improve living conditions and strengthen environmental responsibility.

Menerusi pendekatan kelestariannya, Trienekens menyokong komuniti setempat bagi meningkatkan taraf hidup serta kesedaran terhadap tanggungjawab alam sekitar.



In support of community recycling initiatives, Trienekens recently provided recycling bins to local community organisations. (Left) Trienekens Bin Delivery Team with Sister Rose of St. Teresa's Convent in support of the "Care for Our Common Home" programme. (Right) Department Manager of Trienekens Bintulu Branch, Doreen Lang, handing over a set of recycling bins to SK Ulu Segan in support of PETRONAS' Be Green Programme.

Sebagai sokongan kepada inisiatif kitar semula komuniti, Trienekens baru-baru ini telah menyediakan tong kitar semula kepada organisasi komuniti setempat. (Kiri) Pasukan Penghantaran Tong Trienekens bersama Sister Rose dari St. Teresa's Convent bagi menyokong program "Care for Our Common Home". (Kanan) Pengurus Jabatan Trienekens Cawangan Bintulu, Doreen Lang, semasa sesi penyerahan tong kitar semula kepada SK Ulu Segan sebagai sokongan kepada Program Be Green PETRONAS.



Reflecting its ongoing commitment to the community, Trienekens supported an outreach initiative with the Divine Mercy Apostolate Movement, providing new mattresses to 45 homes to bring comfort and care to those in need.

Sebagai tanda komitmen berterusan terhadap masyarakat, Trienekens telah menyokong inisiatif khidmat masyarakat bersama Gerakan Apostolat Divine Mercy melalui sumbangan tilam baharu kepada 45 keluarga demi membantu golongan yang memerlukan.

Beach Clean-up at Paradise Beach/ Pembersihan Pantai di Paradise Beach



Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd, together with QCCE and Asas Ulung JV Sdn Bhd (a subsidiary of Quality Concrete Holdings Berhad), in collaboration with the JKKK Kampung Trombol community, successfully carried out a beach clean-up involving over 50 participants at Paradise Beach recently. This collaborative effort reflects the shared commitment to environmental protection, community engagement, and responsible waste management, in line with our Environmental, Social and Governance (ESG) priorities. Beyond waste collection, the activity also focused on promoting awareness on proper waste management and responsible disposal practices.

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd bersama QCCE dan Asas Ulung JV Sdn Bhd (anak syarikat Quality Concrete Holdings Berhad) melalui kerjasama komuniti JKKK Kampung Trombol baru-baru ini telah berjaya melaksanakan aktiviti pembersihan pantai di Paradise Beach yang melibatkan lebih daripada 50 peserta. Usaha kolaboratif ini merupakan cerminan komitmen bersama dalam pemeliharaan alam sekitar. Selain itu, penglibatan komuniti dan pengurusan sisa yang bertanggungjawab adalah sejajar dengan dasar Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) syarikat. Aktiviti ini juga turut menekankan kesedaran mengenai pengurusan sisa yang betul dan amalan pelupusan yang bertanggungjawab.

Lending a Hand to the Community/ Menghulurkan Sokongan kepada Komuniti

Trienekens Bintulu Branch plays an active role within the community. Throughout the year, the branch has worked with the Sarawak Rivers Board, Bintulu Development Authority (BDA), and SD Guthrie through ongoing clean-up programmes that reflect a shared responsibility towards environmental stewardship and community well-being.

Trienekens Cawangan Bintulu terus komited memainkan peranan aktif dalam kesejahteraan komuniti setempat. Sepanjang tahun 2025, kolaborasi bersama Lembaga Sungai-Sungai Sarawak, BDA dan SD Guthrie melalui program pembersihan berterusan membuktikan dedikasi syarikat terhadap kelestarian alam sekitar dan komuniti.



Smiles all around following a joint clean-up initiative with the Sarawak Rivers Board, conducted as part of ongoing efforts to address the rising number of dengue cases in the surrounding areas. Trienekens Bintulu team was led by Department Manager, Doreen Lang (second row, fifth right).

Suasana ceria jelas terpancar sepanjang inisiatif pembersihan bersama Lembaga Sungai-Sungai Sarawak, yang dilaksanakan bagi menyokong usaha berterusan menangani peningkatan kes denggi di kawasan sekitar. Pasukan Trienekens Bintulu diketuai oleh Pengurus Jabatan, Doreen Lang (baris kedua, kelima dari kanan).



Trienekens Bintulu team at Pantai Jepak during a beach clean-up in collaboration with SD Guthrie. Through this joint effort, a total of 880 kg of litter was collected, contributing to cleaner beaches that protect marine habitats.

Pasukan Trienekens Bintulu di Pantai Jepak sewaktu aktiviti pembersihan pantai dengan kerjasama SD Guthrie. Melalui usaha sama ini, sebanyak 880 kg sampah berjaya dikumpul sekali gus memastikan kebersihan pantai yang lebih baik demi melindungi habitat marin.



Trienekens Bintulu team together with Bintulu Development Authority (BDA), collaborative agencies and volunteers during the Borneo International Kite Festival at Tanjung Batu Beach. The annual festival serves as a platform for community engagement, fostering shared environmental responsibility among participants and the wider community.

Pasukan Trienekens Bintulu bersama Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), agensi bersama dan sukarelawan bersempena dengan Festival Layang-Layang Antarabangsa Borneo di Pantai Tanjung Batu. Festival tahunan ini menjadi platform bagi penglibatan komuniti sekali gus memupuk tanggungjawab alam sekitar dalam kalangan peserta dan masyarakat setempat.

From Neighbours To Change-Makers

Daripada Jiran Kepada Penggerak Perubahan



Participants from Kampung Malaysia Jaya, DBKU and Trienekens teams at the end of the event.

Barisan peserta dari Kampung Malaysia Jaya bersama warga kerja DBKU dan Trienekens pada penghujung program.

Trienekens, in collaboration with the Commission of the City of Kuching North (DBKU), recently conducted two community engagement programmes under the Solid Waste Segregation and Recycling Project, partnering with the residents of Kampung Malaysia Jaya and Kampung Tunku. The initiatives aimed to strengthen environmental awareness, encourage active participation in recycling, and foster closer ties within the communities.

Both events commenced with high-energy aerobic sessions led by DBKU, setting a lively tone for the day's activities. At Kampung Malaysia Jaya, participants engaged in a plogging walk, the Amazing Green Race for children, and a lucky draw, while Kampung Tunku residents took part in a colouring contest, creative hamper-decorating challenge, slingshot competition, and a slow cycling challenge, organised in collaboration with Kejiranan Mesra (KJM) Kampung Tunku.

A key highlight at both programmes was the presentation of the Most Active Recycling Lane Award, recognising Jalan Helang, Kampung Malaysia Jaya, and Lorong A2, Kampung Tunku, for their consistent participation and dedication to the recycling initiative throughout the year.

In addition, Trienekens conducted an environmental awareness session at Kampung Tunku to update residents

on the progress of the recycling project and reinforce the importance of sustainable practices. The event was graced by Special Administrative Officer, Puan Sharifah Noraini Sayeed Aman Ghazali representing the Deputy Minister of Law, State-Federal Relations, and MA63 in the Sarawak Premier's Department.

Trienekens is proud to join hands with DBKU, community leaders, NGOs, and residents. These initiatives demonstrate the company's commitment to fostering environmental awareness and sustainable practices, contributing to cleaner, greener communities across Sarawak.



Puan Syarifah Noraini along with DBKU top officers, Trienekens team and Kampung Tunku community leaders taking a photo during the event.

Puan Syarifah Noraini, barisan pegawai kanan DBKU, pasukan Trienekens serta pemimpin komuniti Kampung Tunku merakam gambar kenangan semasa program.

Trienekens dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), baru-baru ini telah mengadakan dua program komuniti di bawah Projek Pengasingan Sisa Pepejal dan Kitar Semula bersama penduduk Kampung Malaysia Jaya dan Kampung Tunku. Inisiatif tersebut bertujuan memperkukuh kesedaran alam sekitar, menggalakkan penyertaan aktif dalam kitar semula serta mengeratkan hubungan silaturahim dengan komuniti setempat.

Kedua-dua acara dimulakan dengan sesi aerobik bertenaga kendalian DBKU yang menyemarakkan suasana program. Di Kampung Malaysia Jaya, para peserta terlibat dalam aktiviti plogging, Amazing Green Race bagi kanak-kanak serta cabutan bertuah. Manakala di Kampung Tunku pula, penduduk menyertai pertandingan mewarna, cabaran menghias hamper kreatif, pertandingan lastik dan cabaran berbasikal perlahan yang dianjurkan dengan kerjasama Kejiranan Mesra (KJM) Kampung Tunku.

Kemuncak program tersebut menyaksikan penyampaian Anugerah Lorong Kitar Semula Paling Aktif sebagai pengiktirafan kepada Jalan Helang, Kampung Malaysia Jaya dan Lorong A2, Kampung Tunku atas penyertaan konsisten serta dedikasi mereka terhadap inisiatif kitar semula sepanjang tahun.



Children taking part in the Amazing Green Race.
Peserta cilik menyertai permainan Amazing Green Race.



Participants from Kampung Malaysia Jaya during the Plogging Walk Competition.

Peserta dari Kampung Malaysia Jaya semasa Pertandingan Plogging Walk.

Dalam pada itu, Trienekens turut mengadakan sesi kesedaran alam sekitar di Kampung Tunku bagi berkongsi perkembangan projek kitar semula serta menekankan kepentingan amalan lestari. Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Pegawai Tadbir Khas, Puan Sharifah Noraini Sayeed Aman Ghazali yang mewakili Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan).

Trienekens menghargai kerjasama erat dengan DBKU, pemimpin komuniti, NGO serta penduduk. Inisiatif seumpama ini menzahirkan komitmen syarikat dalam memupuk kesedaran alam sekitar dan amalan lestari seterusnya menyumbang kepada persekitaran komuniti yang lebih bersih dan hijau di Sarawak.



Trienekens, DBKU and participants of the Kampung Tunku Plogging Walk Competition at the starting line.
Trienekens, DBKU dan peserta Pertandingan Plogging Walk Kampung Tunku di garisan permulaan.

Celebrating Employee Excellence

Meraikan Kecemerlangan Kakitangan



Stephen presenting Employee of the Year Award 2025 (Overall) to Jowin Anak Rened from Kuching Logistics & Services Division.

Stephen menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang 2025 (Keseluruhan) kepada Jowin Anak Rened dari Bahagian Logistik & Perkhidmatan Kuching.



Stephen presenting Employee of the Year Award 2025 (Head Office) to Mike Webver Anak Onkian from Health, Safety & Environment Division.

Stephen menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang 2025 (Ibu Pejabat) kepada Mike Webver Anak Onkian dari Bahagian Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar.



Stephen presenting Employee of the Year Award 2025 (Head Office) to Benardine Anak Barnabas from Health, Safety & Environment Division (Laboratory & Analysis).

Stephen menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang 2025 (Ibu Pejabat) kepada Benardine Anak Barnabas dari Bahagian Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar (Makmal & Analisis).

Trienekens Employee of the Year Awards are part of the company's ongoing efforts to recognise performance and accountability, while reinforcing a culture that values commitment, professionalism, and continuous improvement. This year, seven employees were recognised for their contributions across the organisation. Jowin Anak Rened from Kuching Logistics and Services Division was named Overall Employee of the Year 2025. Division-level Employee of the Year awards were also presented to Mike Webver Anak Onkian and Benerdine Anak Barnabas (Head Office); Nur Afqah Binti Mohamad (Kuching Logistics and Services Division); Elsie Jane Anak Tiran and Dismaromo Anak Mathew Jingga (Kuching Integrated Waste Management Park); and Mohd Usri Yusran Mohamad Hipni (Bintulu Branch).

Anugerah Pekerja Terbaik Trienekens merupakan usaha berterusan syarikat untuk mengiktiraf prestasi dan akauntabiliti serta memperkukuh budaya komitmen, profesionalisme, dan penambahbaikan berterusan. Tahun ini, seramai tujuh kakitangan telah diiktiraf atas sumbangan cemerlang mereka di seluruh organisasi. Jowin Anak Rened dari Bahagian Logistik dan Perkhidmatan Kuching telah dinobatkan sebagai Pekerja Cemerlang Keseluruhan 2025. Pengiktirafan peringkat bahagian turut dianugerahkan kepada Mike Webver Anak Onkian dan Benerdine Anak Barnabas (Ibu Pejabat); Nur Afqah Binti Mohamad (Bahagian Logistik dan Perkhidmatan Kuching); Elsie Jane Anak Tiran dan Dismaromo Anak Mathew Jingga (Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching); serta Mohd Usri Yusran Mohamad Hipni (Cawangan Bintulu).



Trienekens Senior Manager (Bintulu Branch), Patricia Susie presenting Employee of the Year Award 2025 (Bintulu Branch) to Mohd Usri Yusran Mohamad Hipni from Scheduled Waste Operations.

Pengurus Kanan Trienekens (Cawangan Bintulu), Patricia Susie menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang 2025 (Cawangan Bintulu) kepada Mohd Usri Yusran Mohamad Hipni dari Operasi Sisa Terjadual.



Stephen presenting Employee of the Year Award 2025 (Kuching Logistics & Services Division) to Nur Afqah Binti Mohamad from Kuching Logistics Operations.

Stephen menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang 2025 (Bahagian Logistik & Perkhidmatan Kuching) kepada Nur Afqah Binti Mohamad dari Operasi Logistik Kuching.



Stephen presenting Employee of the Year Award 2025 (KIWMP) to Elsie Jane Anak Tiran from KIWMP Administration.

Stephen menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang 2025 (KIWMP) kepada Elsie Jane Anak Tiran dari unit Pentadbiran KIWMP.



Stephen presenting Employee of the Year Award 2025 (KIWMP) to Dismaromo Anak Mathew Jingga from KIWMP Maintenance.

Stephen menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang 2025 (KIWMP) kepada Dismaromo Anak Mathew Jingga dari unit Penyelenggaraan KIWMP.

New Team Members / Tenaga Kerja Baru

Kuching Headquarters & Depot/ Ibu Pejabat Kuching & Depot



Jacqleen Anak Mik
Executive, Quality & Licensing
Eksekutif, Kualiti & Perlesenan



Romina Anak Ujai
Executive Administrator, Business Development
Pentadbir Eksekutif, Pembangunan Perniagaan



Farah Assyikin Binti Abdul Malek
Senior Assistant, Corporate Communications
Pembantu Kanan, Komunikasi Korporat



Semio Anak Nyapun
Despatch cum Company Driver
Penghantar merangkap Pemandu Syarikat



Anderson Anak Tomy
Supervisor, Scheduled Waste
Penyelia, Sisa Terjadual



Safwan Bin Aban
Driver, Scheduled Waste
Pemandu, Sisa Terjadual

Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP)/ Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching



Richie Anak Romeion
Mechanical Engineer, HWI
Jurutera Mekanikal, HWI



Darren Bin Ramlee @ Cain
Plant Technician, HWI
Juruteknik Loji, HWI



Donnie Anak Sikua
General Operation Assistant 1, Landfill
Pembantu Operasi Am 1, Tapak Pelupusan



Richman Anak Jack Damsey
General Worker, Landfill
Pekerja Am, Tapak Pelupusan



Cecilia Corna Anak Daud
General Worker, Cleaner
Pekerja Am, Pembersihan

Bintulu Branch/ Cawangan Bintulu



Alexson Ulloi Awing
Executive, Offsite Storage & Maintenance
Eksekutif, Penstoran & Penyelenggaraan Luar Tapak



Saba Anak Wat
Mechanic
Mekanik



Jackson Nyanggau Anak Assan
Driver, Scheduled Waste
Pemandu, Sisa Terjadual



Regan Bana Anak Peter Empang Malang
Driver, Scheduled Waste
Pemandu, Sisa Terjadual



Amir Rahman Bin Ismail
Attendant, Scheduled Waste
Attendan, Sisa Terjadual

Promotions / Kenaikan Pangkat



Bryan Bonnjobi Anak Pedo
Team Leader, HWI
Ketua Pasukan, HWI



Kennyza Kin Ubah Anak Kinchu
Team Leader, HWI
Ketua Pasukan, HWI

Spot The Difference / Carikan Perbezaan

Spot and circle all 10 differences in the photos below and stand a chance to win a pair of Sony Wireless Bluetooth Headphones.

Cari dan bulatkan kesemua 10 perbezaan di dalam gambar-gambar berikut dan berpeluang memenangi sepasang Fon Kepala Bluetooth Mudah Alih Sony.



Congratulations to Saat Bin Bahron, winner of last issue's Spot the Difference contest. He brought home a pair of Sony Wireless Bluetooth Headphones!

Tahniah kepada Saat Bin Bahron, pemenang peraduan Cari Perbezaan isu lepas. Beliau membawa balik sepasang Fon Kepala Bluetooth Mudah Alih Sony!

Please send in your entry to the following address before **15 May 2026**. Late entries will not be entertained.

*Sila kembalikan penyertaan anda ke alamat berikut sebelum **15 Mei 2026**. Penyertaan lewat tidak akan dilayan.*

**Corporate Communications Division,
Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.
216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching, Sarawak.**

Personal Details/ Butiran Peribadi

All the terms stated in Trienekens Terms of Use, Privacy Policy and Personal Data Protection Notice are applicable: <http://trienekens.com.my/terms-of-use-and-privacy-policy/>. By completing this form, you are deemed to be aware and consent to Trienekens Terms of Use, Privacy Policy and Personal Data Protection Notice.

Semua terma yang dinyatakan dalam Syarat-syarat Penggunaan, Dasar Privasi dan Notis Perlindungan Data Peribadi Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd adalah digunakan: <http://trienekens.com.my/terms-of-use-and-privacy-policy/>. Dengan melengkapkan borang ini, anda dianggap memahami dan bersetuju dengan Syarat-syarat Penggunaan, Dasar Privasi dan Notis Perlindungan Data Peribadi Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd.

Name/Nama

IC No./No. KP

Are you a Trienekens' Staff?/Adakah anda pekerja Trienekens?

☐ Yes/Ya

☐ No/Tidak

(If yes / Jika ya) Trienekens' Employee No. / No. Pekerja Trienekens:

Address/Alamat

Tel. No./No. Tel



Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. 199901010396 (485296-V)
Your Trusted Partner In Environmental Management

Headquarters (Kuching)

216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6082 610700
Hotline : +6082 612300
Fax : +6082 620120
Email : customercare@trienekens.com.my

Bintulu Branch & Depot

Lot 4034 Block 26,
Kemena Land District,
Kidurong Light Industrial Estate,
Jalan Tanjung Kidurong
97000 Bintulu,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6086 253959
Fax : +6086 253115
Email : customercare@trienekens.com.my

www.trienekens.com.my